



## **JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**

### **KENYATAAN MEDIA (20 DISEMBER 2020)**

#### **1. LAPORAN HARIAN**

Hari ini **tiga (3) kes** positif COVID-19 dikesan di Kuching (2) dan Lubok Antu (1). Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak **meningkat kepada 1,090 kes.**

#### **A. Kes Baharu COVID-19**

##### **i. Daerah Kuching (2 kes baharu)**

##### **a) Kes Saringan Penjaga Kepada Pesakit (1 Kes Jangkitan Tempatan)**

**Kes 1,089** merupakan seorang lelaki warga tempatan (Sarawak) yang telah menjalani saringan COVID-19 di salah sebuah fasiliti kesihatan swasta bagi tujuan menemani isteri yang bakal bersalin. Kes ini telah menjalani saringan pada 19 Disember 2020 dan keputusan pada hari yang sama mendapati kes adalah positif.

Kes ini tidak mempunyai sejarah perjalanan ke luar negara atau kawasan berisiko tinggi jangkitan COVID-19 dalam tempoh 14 hari yang lepas dan tidak mempunyai kontak kepada mana-mana kes positif COVID-19.

Kes tidak mengalami sebarang tanda dan gejala. Kes telah dirujuk ke Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut. Siasatan lanjut serta pengesanan kontak bagi kes ini sedang giat dijalankan. Kes ini dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan.

**b) Kes Saringan Individu Balik Dari Luar Negara (1 Kes Import-A)**

**Kes 1,090** merupakan seorang lelaki warganegara Sweden yang menjalani saringan COVID-19 sebagai individu yang baru balik dari luar negara.

Kes telah menjalani saringan pertama rT-PCR COVID-19 sebaik tiba dan keputusan pada ketika itu adalah negatif. Kes kemudiannya menjalani saringan COVID-19 pada 19 Disember 2020 dan keputusan pada hari yang sama mendapati kes adalah positif.

Kes tidak mengalami sebarang tanda dan gejala dan telah dirujuk ke Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut. Siasatan lanjut dan pengesanan kontak sedang giat dijalankan. Kes ini dikategorikan sebagai kes import A iaitu mendapat jangkitan dari luar negara.

**ii. Daerah Lubok Antu: Saringan Individu Hasil Tangkapan Pendatang Tanpa Izin (1 kes baharu Import A)**

**Kes 1,088** merupakan seorang perempuan warganegara Indonesia yang menjalani saringan COVID-19 selepas ditahan oleh pihak berkuasa di sempadan Ensawang. Kes disyaki masuk ke Sarawak secara haram melalui jalan tikus di Tebedu pada 30 November 2020.

Sejarah pergerakan di Sarawak menunjukkan kes mempunyai sejarah perjalanan ke Mukah dan Sibu sebelum bergerak ke Lubok Antu pada 17 Disember 2020 untuk merentas sempadan Ensawang di mana kes kemudiannya ditahan. Selepas ditangkap, kes ditempatkan di Ibu Pejabat Polis Daerah Lubok Antu.

Kes telah menjalani saringan COVID-19 pada 18 Disember 2020 dan keputusan ujian pada 19 Disember 2020 mendapati kes adalah positif. Kes ini tidak mengalami sebarang tanda dan gejala dan telah dirujuk ke Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut. Siasatan lanjut dan pengesanan kontak sedang giat dijalankan. Kes ini dikategorikan sebagai kes import A iaitu mendapat jangkitan dari luar negara.

## **B. Status Kes COVID-19 di dalam Wad Pengasingan Hospital.**

**Terdapat satu (1)** kes baharu yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada hari ini dari Hospital Umum Sarawak. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah pulih dan dibenarkan meningkat kepada **1,053** orang atau **96.61%** dari jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Sarawak.

Jumlah kes yang masih mendapat rawatan dan diasingkan di hospital adalah seramai **18** orang iaitu:

- 13 kes di Hospital Umum Sarawak;
- Tiga (3) kes di Hospital Sibu;
- Satu (1) kes di Hospital Bintulu; dan
- Satu (1) kes di Hospital Miri

Hari ini, **empat (4) PUI** baru telah dilaporkan dan **satu (1) PUI** yang masih menunggu keputusan ujian makmal.

## **C. Ringkasan Kes Mengikut Daerah Di Sarawak.**

Hari ini, **Daerah Kuching bertukar status dari Hijau kepada Kuning setelah melaporkan satu (1) kes jangkitan tempatan. Daerah Sibu dan Serian kekal berstatus Kuning** dengan jumlah keseluruhan tiga (3) kes jangkitan tempatan dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas iaitu dua (2) kes di Daerah Sibu dan satu (1) kes di Daerah Serian. Manakala 37 buah daerah lain kekal berstatus Hijau.

## **2. LAPORAN NOTIS KOMPAUN/AMARAN/SITAAN**

Hari ini pihak PDRM telah mengeluarkan **11 notis kompaun** kerana telah melanggar SOP iaitu di Daerah Bintulu (6), Miri (2), Samarahan (2) dan Betong (1).

Manakala Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak telah mengeluarkan **78 notis** amaran lisan dan bertulis di bawah PBT seliaan mereka iaitu SMC (32), MPP (11), MD Serian (10), MD Marudi (10), BDA (5), MDDM (5), MD Lawas (3), DBKU (1) dan MDMJ (1).

## **3. PEMANTAUAN PEMATUHAN PKPP (01 SEPTEMBER HINGGA 31 DISEMBER 2020)**

Hari ini, sebanyak **1,227 premis** telah dipantau iaitu Pasaraya (138), Restoran (217), Kilang (19), Bank (101), Pejabat Kerajaan (36), Penjaja (21), Pasar Tani/Awam (63), Tempat Ibadah (57), Tempat Riadah (33), Tapak Pembinaan (16) dan lain-lain (526).

Seramai **583 anggota** pematuhan PKPP yang terdiri daripada PDRM (276), ATM (33), RELA (134), APM (83), PBT (50), KKM (3) dan lain-lain agensi (4).

#### **4. SEKATAN JALAN RAYA OP BENTENG**

Hari ini terdapat **7 sekatan jalan raya** di 6 buah daerah iaitu di Lawas (2), Lundu (1), Bau (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Lubok Antu (1). Melalui 7 sekatan jalan raya tersebut, sebanyak **1,840** jumlah kenderaan telah diperiksa.

**Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives**  
**Jaga Sarawak, Intu Sarawak**

**SEKRETARIAT**  
**JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**  
**20 DISEMBER 2020**  
**5.00 PETANG**

## MAKLUMAT TAMBAHAN

### 1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

Previous Cases	1087	Total Cases still in ward	18	1.65%
New Cases	3	Cases in <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0.00%
Total Samples by Individu	203,034	Intubated Cases	0	0.00%
Cumm. Positve Cases	1090	Total Death Cases	19	1.74%
IR per 100,000 population	35.33	Recovered and discharged cases	1,053	96.61%
Lab. Results (PUI)	New	Cummulative	New	Cummulative
Negative	1	9,959	4	11,050
Pending Result	0	1		

Current Status	SGH Kuching	Hospital Sibul	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Sungai Buloh	TOTAL
Patients still in ward	13	3	1	1	0	18
Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0	0	0	0	0
Intubated cases	0	0	0	0	0	0
Total Death Cases	17	0	0	2	0	19
Recovered and discharged cases	New	1	0	0	0	1
	Cummulative	876	43	49	79	1049
Total re-admission cases ( <i>Re-tested Positive</i> )	9	9	3	1	0	22

DAERAH KUNING (3)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Serian	0	336	0	27	0	25	0	0	2	1	1
2	Sibu	0	131	0	26	0	23	0	0	3	7	2
3	Kuching	1	7,484	2	723	1	702	0	12	9	10	1
Jumlah		1	7951	2	776	1	750	0	12	14	18	4

Sumber: CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

DAERAH HIJAU (37)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Miri	0	913	0	59	0	57	0	1	1	1	0
2	Lawas	0	29	0	11	0	11	0	0	0	0	0
3	Lundu	0	262	0	7	0	7	0	0	0	0	0
4	Limbang	0	35	0	13	0	12	0	1	0	0	0
5	Samarahan	0	608	0	116	0	112	0	4	0	0	0
6	Bintulu	2	329	0	50	0	49	0	0	1	1	0
7	Lubok Antu	1	29	1	4	0	3	0	0	1	1	0
8	Bau	0	187	0	7	0	7	0	0	0	0	0
9	Simunjan	0	67	0	8	0	8	0	0	0	0	0
10	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0	0
11	Tebedu	0	8	0	3	0	3	0	0	0	0	0
12	Asajaya	0	44	0	5	0	5	0	0	0	0	0
13	Sri Aman	0	57	0	5	0	3	0	1	1	1	0
14	Betong	0	190	0	16	0	16	0	0	0	0	0
15	Mukah	0	48	0	1	0	1	0	0	0	0	0
16	Matu	0	6	0	1	0	1	0	0	0	0	0
17	Sarikei	0	93	0	6	0	6	0	0	0	0	0
18	Saratok	0	28	0	0	0	0	0	0	0	0	0
19	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
20	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Meradong	0	35	0	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Tatau	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Dalat	0	14	0	0	0	0	0	0	0	0	0
29	Daro	0	7	0	1	0	1	0	0	0	0	0
30	Kapit	0	37	0	0	0	0	0	0	0	0	0
31	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Song	0	5	0	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
34	Marudi	0	13	0	0	0	0	0	0	0	0	0
35	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
36	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
37	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
<b>Jumlah</b>		<b>3</b>	<b>3,099</b>	<b>1</b>	<b>314</b>	<b>0</b>	<b>303</b>	<b>0</b>	<b>7</b>	<b>4</b>	<b>4</b>	<b>0</b>
<b>Jumlah Besar</b>		<b>4</b>	<b>11,050</b>	<b>3</b>	<b>1,090</b>	<b>1</b>	<b>1,053</b>	<b>0</b>	<b>19</b>	<b>18</b>	<b>22</b>	<b>4</b>

Sumber : **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**



## 2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Hari ini, seramai **508 Person Under Surveillance (PUS)** telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **42 buah hotel dan SC Bukan Hotel** adalah seramai **4,329 orang**. Manakala seramai **41,829 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 20.12.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	<b>Kuching (2,491)</b>	Hock Lee	91
2		Grand Dormani	52
3		Kuching Park	146
4		Pullman	427
5		Hilton	310
6		Harbour View	141
7		Riverside (Astana Wing)	292
8		Grand Margherita	327
9		Imperial Boulevard	122
10		Tune Hotel	31
11		Dormani Hotel	43
12		Grand Continental	168
13		Meritin	39
14		Longhouse	65
15		Abell	62
16		Lot 10	45
17		Telang Usan	43
18		Imperial Riverbank	87
19	<b>Miri (1,090)</b>	Mega Hotel	148
20		Somerset	44
21		Imperial Palace	223
22		Eastwood Valley	80
23		Imperial New Wing	97
24		Paragon	57
25		Meritz	186
26		Miri	33
27		Dynasty	122
28		Kenyalang Suite	25
29		Citi Hotel	33
30	Nova	42	
31	<b>Bintulu (394)</b>	Wasan Inn	37
32		Fairfield by Marriot	154
33		Kidurong Inn	66
34		Motel Kapok	71
35		Faber Inn	38
36		AA Inn	28
37	<b>Limbang (163)</b>	Purnama	38
38		Seri Malaysia (Lawas)	99
39		Mandarin (Lawas)	26
40	<b>Sibu (93)</b>	Premier	93
41	<b>Samarahan (98)</b>	INFRA	68
42		Kolej Rafflesia, UNIMAS	30
<b>Jumlah PUS</b>			<b>4,329</b>

### 3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)

Hari ini, sebanyak **satu (1) lokasi di Miri** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **2,091 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 20.12.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>OPERASI SEMASA</b>	<b>OPERASI TERKUMPUL</b>
1	Kuching	TIADA	703
<b>2</b>	<b>Miri</b>	<b>1</b>	<b>425</b>
3	Sibu	TIADA	198
4	Samarahan	TIADA	138
5	Bintulu	TIADA	121
6	Sarikei	TIADA	119
7	Limbang	TIADA	98
8	Serian	TIADA	69
9	Betong	TIADA	60
10	Sri Aman	TIADA	54
11	Kapit	TIADA	54
12	Mukah	TIADA	52
<b>Jumlah Keseluruhan</b>			<b>2,091</b>

#### 4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK

Hari ini, sebanyak **33 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 20.12.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>LOKASI</b>
1	DBKU	1
2	MPP	2
3	MD Serian	3
4	SMC	9
5	MCC	13
6	MD Marudi	3
7	MD Limbang	2
<b>Jumlah</b>		<b>33</b>